



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 7 : BIL : 14.

RABU, 18 JULY, 1962 (16 Safar, 1382).

PERCHUMA

PERARAKAN BULAN BAHASA:

Kira² 15,000 Orang

DI-JANGKA MENGAMBIL BAHAGIAN

BANDAR BRUNEI. — Kira² 15,000 orang dari berbagai bangsa serta kanak² sekolah dari seluruh Brunei di-jangka akan mengambil bahagian dalam upacara rapat umum dan perarakan untuk menyambut Bulan Bahasa peringkat Kebangsaan. Di-antara-ya ia-lah kira² 8,000 orang anggota Partai Ra'ayat Brunei.

Upacara tersebut akan di-langsungkan di-Bandar Brunei pada petang hari Ithnin 23 July, 1962, mulai pada pukul 4 petang.

Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei akan merasmikan pembukaan upacara itu pada pukul 5 petang.

Terlebeh dahulu ucapan² akan di-lafadzkan oleh Tuan Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar, Pengerusi, Bulan Bahasa Kebangsaan, Negeri Brunei; Wakil orang² Melayu, Awang Hapidz bin P. Laksamana; Wakil orang² Eropah, Inche P.M. Linton; Wakil orang² China — Inche Lim Boon Koon dan oleh Wakil orang² India, Inche Maricar.

Kemudian Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Brunei akan di-jemput mengishtiharkan pembukaan rasmi sambutan tersebut di-turuti dengan bacaan IKRAR BAHASA oleh Pengerusi Rapat Umum dan Perarakan, Inche Shahbudin bin Saleh.

Inche Shahbudin pula akan menyerahkan ikrar tersebut kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Brunei, di-ikuti dengan nyanyian lagu "JIWA BANGSA" oleh murid² sekolah di-iringi oleh Pancharagam Pulis Brunei.

Sa-baik sahaja selesai acara tersebut sa-buah kapal terbang kepunyaan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad akan menggugurkan "Ikrar Bahasa".

Kemudian perarakan akan di-mulai kira² pada pukul 5.25 petang, di-ketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Brunei.

Sa-lepas berarak mengelilingi Bandar Brunei, perarakan itu akan balek sa-mula ka-padang

Bandar Brunei dan do'a selamat akan di-bachakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Khatib Haji Metali, Kadhi bagi daerah Brunei dan Muara. Upacara itu akan di-akhiri dengan LAGU KEBANGSAAN BRUNEI.

IKRAR BAHASA

BAHAWA KAMI RA'AYAT DAN PENDUDOK NEGERI BRUNEI MENGAKU TA'AT DAN SETIA SERTA BERBAKTI KAPADA NEGARA INI DAN KAMI MENGA-KU MEMULIAKAN TARAF KEDUDOKAN BAHASA MELAYU SAPERTI MAKSUD PERLEMBAGAAN 1959 BAB 82(1) (a).

DENGAN INI KAMI MENGAKU MENYOKONG DAN MENGGUNAKAN PEMAKAIAN BAHASA MELAYU DALAM SEGALA LAPANGAN SERTA AKAN MENGENGEMBAK BAHASA MELAYU DENGAN APA CHARA JUA UNTUK MENUNJOKKAN KASEH DAN TA'AT SETIA KAMI KAPADA SULTAN DAN NEGARA.

DENGAN ITU MAKA KAMI BERIKRAR AKAN MEMBOKTIKAN SOKONGAN² KAMI DENGAN SABENAR²-NYA DENGAN TIDAK BERBELAH BAGI.

PILEHAN RAYA:

HARI MENAMAKAN CHALUN SABTU 21 JULY

BANDAR BRUNEI. — Hari menamakan chalun Pilehan Raya bagi Majlis Meshuarat Daerah sa-bagai mana yang telah di-tetapkan oleh Surohan Jaya Pilehan Raya Negeri Brunei ia-lah hari Sabtu 21 July, 1962.

Jika sa-kira-nya ada lebeh daripada sa-orang chalun yang ber-tanding, maka hari membuang undi yang telah di-tetapkan ia-lah hari Khamis 30 August, 1962.

Pilehan Raya itu ia-lah untuk memilih 55 orang Ahli² Majlis Meshuarat Daerah yang terdiri saperti di-bawah ini:

Majlis Meshuarat Daerah Brunei — 24 orang.

Majlis Meshuarat Daerah Belait — 12 orang.

Majlis Meshuarat Daerah Tutong — 12 orang.

Majlis Meshuarat Daerah Temburong — 7 orang.

Untuk peringatan kepada bakal² chalun, penchadang dan penyokong bakal² chalun² itu berkenaan dengan "Hari Menamakan Chalun", maka kita siarkan di-bawah ini satu ma'lumat daripada Setia Usaha, Surohan Jaya Pilehan Raya, Negeri Brunei, Inche Matnoor McAfee.

Tempat² khas untuk menerima surat² chalun akan terbuka daripada pukul 10 pagi hingga kapukul 1.30 petang 21 July, 1962.

Pegawai Pengurus untuk kawasan yang berkenaan akan me-

nerima surat² chalun dan surat² itu mesti-lah di-serahkan ka-tangan-nya oleh chalun itu sendiri, atau penchadang-nya, atau penyokong-nya. Surat² chalun yang datang kepada Pengurus sa-bagai kiriman daripad² malah sa-orang yang di-sebut tiada akan di-layankan.

Tiga keping surat chalun dan satu keping surat sumpah mesti di-serahkan bersama dengan wang tunai sa-banyak \$100 untuk pertarohan, atau surat menerima wang yang menunjukkan wang ini telah di-bayar di-Pejabat Kewangan.

Chalun² mahu-lah mengisikan Borang 4 (Borang Sumpah), dan menanda tangani di-hadapan Majistrit seberapa awal yang boleh kerana jika menunggu hingga ka-21 July, barangkali Majistrit susah di-dapati kerana ia sebek dengan urusan yang lain.

Semua butir yang di-kehendaki dalam surat chalun mesti-lah di-panjangkan.

Nama² penchadang, penyokong dan 4 orang lagi, atau lebeh, yang bersetuju dengan perchalunan itu mesti-lah berada dalam daftar pengundi berkenaan dengan kawasan yang di-tandingkan.

Surat² chalun akan di-terima dari pukul 10 pagi hingga kapukul 12 tengah hari tepat pada hari tersebut.

Di-antara pukul 12 tengah hari dan 1.30 petang, Pegawai Pengurus akan menerima bantahan berkenaan surat² chalun. Orang² yang boleh menghadhiri huraian ini sa-lain daripada Pegawai Pengurus, ia-lah Ahli² Surohan Jaya Pilehan Raya, Penyelia Surohan Jaya Pilehan Raya, Chalun², Penchadang², Penyokong², sa-orang lagi yang di-lantek oleh chalun dengan bersurat dan orang² yang memberi pertolongan kepada Pegawai Pengurus.

Apa² keputusan di-ambli oleh Pegawai Pengurus atas bantahan² terhadap Surat² Chalun ada berkebiasaan dan muktamat bagi maksud² Pilehan Raya.

Ma'lumat itu berbunyi lagi bahawa semua orang yang akan mengambil bahagian dalam Pilehan Raya yang akan datang, mahu-lah mengkaji dengan telitinya segala Undang² dan Perato-ran yang berkenaan.

GUNAKAN-LAH BAHASA KEBANGSAAN DALAM SA-GENAP LAPANGAN

Timbalan S. U. K. Berharap Bahasa Melayu Di-Gunakan Salama2nya

TUTONG. — Kerajaan Brunei ada-lah sangat menghargai dan memberi kepujian yang sangat2 atas usaha penduduk2 di-Daerah Tutong dalam sejarah perjalanan menggunakan Bahasa Kebangsaan di-Negeri Brunei ini yang bererti bahawa penduduk2 di-Daerah Tutong telah menjayakan maksud Perlembagaan yang tertulis dalam bab 82 (1) ia-itu Bahasa Rasmi di-negeri ini ia-lah Bahasa Melayu.

Demikian bunyi kandungan surat daripada Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei yang telah di-bacakan oleh Inche Mohamed Daud bin Serudin di-majlis merasmikan perarakan Bulan Bahasa Peringkat Daerah Tutong baharu2 ini.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf telah tidak dapat hadir di-majlis tersebut kerana pada masa itu beliau berada di-luar negeri.

Dalam surat-nya, Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf menegaskan bahawa penggunaan Bahasa Melayu pada masa yang akan datang ada-lah lebeh luas dan akan lebeh dalam lagi.

BAHASA BERDAULAT

"Di-masa ini semua sekolah2 dalam negeri ini sedang bergiat mengajar bahasa kebangsaan kepada bangsa asing dan mudah2an segala usaha mereka itu akan berjaya dan mudah2an satu masa nanti dapat kita jadikan Bahasa Melayu bahasa penghantar di-semua sekolah2 hingga penggunaan-nya dapat di-laksanakan sa-hingga peringkat University.

"Hanya ini semua memerlukan usaha dan kerjasama dari antarakaum untuk meninggikan dan mendaulatkan Bahasa Melayu.

"Dengan mempunyai satu Bahasa Kebangsaan kita juga boleh membuat ramalan yang baik ia-itu menyatu padukan di-antara berbagai2 bangsa yang berada di-negeri ini yang chintakan sesama-nya, chintakan Sultan dan chintakan tanah ayer-nya. Jika

tuan2 mendokong dan menchintai Bahasa Melayu ini bererti tuan2 mendokong dan menchintai kemajuan bangsa kita", kata Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf.

Dalam surat tersebut Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf berkata bahawa tentu-lah para hadirin di-majlis tersebut mendengar ikrar dan pengakuan wakil2 dari puak2 untuk menggunakan Bahasa Melayu dalam urusan pekerjaan mereka.

"Bimbing-lah mereka dengan tulus ikhlas supaya apa yang mereka ikrarkan dan lafadzkan pagi ini akan dapat tercapai.

"Saya perchaya dengan bimbingan yang baik mereka boleh menggunakan Bahasa Melayu de

rgan lebeh pitah dan berbahasa yang lebeh baik. Mereka masa ini pun boleh berchakap dengan pitah dan bahasa yang betul dan ini boleh memberi satu perangsang bagi kita untuk meninggikan mata pelajaran kita.

"Bahasa Melayu ada-lah bahasa yang luas, bahasa yang boleh di-tuturkan dan di-gunakan sehari2 baik dalam perchakapan atau perhubungan surat, mau pun di-pengajian pelajaran2 tinggi yang mana bukan hanya oleh bangsa yang chintakan bahasa Melayu.

"Saya berharap dan saya perchaya bahawa tuan2 akan terus mengamalkan penggunaan bahasa Melayu dalam pekerjaan dan kehidupan tuan2 sehari2", kata lagi Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf.

Akhir-nya beliau berharap bahawa penduduk2 di-daerah tersebut akan menggunakan bahasa Melayu bukan hanya dalam Bulan Bahasa ini akan tetapi seterusnya buat salama2-nya.

Bantuan Pelajaran Sharikat Minyak

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei telah meluluskan sumpulan lagi bantuan Pelajaran Shell bagi penuntut2 Brunei, ia-itu lima bantuan pelajaran lebeh tinggi yang baharu dan tiga pembaharuan bagi penuntut2 yang mendapat bantuan pelajaran tersebut pada tahun lepas.

Penuntut2 yang mendapat bantuan pelajaran tinggi yang baharu itu ia-lah :

Nooraini binte A. Yunus, Arshad bin Mohamed Ali, Lau Chung Kong, Wo Chew Pak dan Lim Jock Seng.

Bantuan2 pelajaran lebeh tinggi yang di-baharu2 itu telah di-berikan oleh Sharikat Minyak Shell kepada :

Awangku Tengah bin Pengiran Metassim, Ahmad bin Jumat dan Han Tin Kuang.

LAWATAN BIASA

BERAKAS. — Pegawai Perintah Askar Melayu Brunei, Lieutenant Colonel Tengku Ahmad bin Tengku Besar Burhanudin dengan di-temani oleh Kapitan Syed Alwee dari Askar Melayu Brunei telah tiba di-sini baharu2 ini dari Persekutuan Tanah Melayu dalam bidang lawatan seperti biasa dan telah pun balek ka-Persekutuan Tanah Melayu.

Malam Gembira Menyambut Bulan Bahasa Di-Temburong

BANGAR. — Temasha Malam Gembira untuk menyambut Bulan Bahasa peringkat Daerah Temburong telah di-adakan di-padang Pekan Bangar pada malam 6 dan 7 July yang lalu.

Peserta2 yang berjaya dalam peraduan2 yang telah di-adakan di-temasha tersebut ada-lah seperti di-bawah ini :

Nyanyian kanak2 Melayu (Perempuan) yang berumur 14 tahun ka-bawah : 1. Dayang Norliah binti Orang Kaya Setia Haji Abdul Rahim. 2. Dayang Azizah binte Muntol.

Nyanyian kanak2 Melayu (Lelaki) yang berumur 14 tahun ka-bawah : 1. Suhaili bin Ibrahim. 2. Awangku Zainal bin Pengiran Hitam.

Nyanyian kanak2 bukan Melayu (Lelaki) yang berumur 14 tahun ka-bawah : 1. Sin Hak Tin. 2. Hun Chin Chow.

Nyanyian kanak2 bukan Melayu (Perempuan) yang berumur 14 tahun ka-bawah : 1. Lim Lee Lee. 2. Ang Chong Cheng.

Sharahan kanak2 Melayu (Lelaki) yang berumur 14 tahun ka-atas. Pertama — Ahmad bin Husin.

Sharahan orang2 dewasa Melayu (Lelaki) : 1. Suria "S" 2. Suria "Y".

Nyanyian kanak2 Melayu (Lelaki) yang berumur 14 tahun ka-atas : 1. Tamin bin Baha, 2. Jalil bin Alli.

Nyanyian kanak2 Melayu (Perempuan) yang berumur 14 tahun ka-atas : 1. Dayang Tambah binte Besar. 2. Dayang Aminah binte Timbang.

Nyanyian orang2 dewasa (Lelaki) : 1. M. Bakri. 2. R.M. Modila.

Sajak kanak2 Melayu (Lelaki) yang berumur 14 tahun ka-atas. 1. Awang Yakub bin Ampuan Judah. 2. Othman bin Basiah.

Sajak kanak2 Melayu (Perempuan) yang berumur 14 tahun ka-atas : 1. Aminah binte Timbang. 2. Uraini binte Ahmad.

Sajak orang2 dewasa Melayu (Lelaki) : 1. Hamdan bin Mohamed Sa'id. 2. Mohamed bin Ismail.

Sajak orang2 dewasa Melayu (Perempuan) : Tidak ada orang yang bertanding.

Sajak kanak2 Melayu (Lelaki) yang berumur 14 tahun ka-bawah : 1. Awangku Latiff bin Pengiran Tajuddin. 2. Awangku Rajeh bin Pengiran Abdul Rahman.

Pegawai Daerah Temburong, Inche Abidin bin Abdul Rashid telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya di-temasha tersebut pada malam 7 July.

PENUNTUT2 BRUNEI BALEK DARI ENGLAND

BANDAR BRUNEI. — Che Jusnani binte Lawie dan Abu Bakar bin Haji Ahmad, penuntut2 Brunei yang belajar di-England telah balek ka-Brunei baharu2 ini untuk berchuti.

Lima orang penuntut2 yang belajar di-England telah pun berlepas dari sana ka-Brunei dengan kapal terbang pada petang hari Ahad yang lalu untuk berchuti di-sini.

Mereka ia-lah Mohamed Ali bin Mohamed Daud, Zakaria bin Haji Sulaiman, Adenan bin Haji Abu Bakar, Rosli bin Omar dan Che Zaharah binte Idris.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Abdul Aziz bin Haji Umar akan tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari England melalui Negeri Jepun pada hari Ahad 22 July.

Menurut berita yang terakhir daripada Pegawai Pelajaran Negara, sembilan orang penuntut2 Brunei yang belajar di-Sekolah Milfield, England di-jangka akan tiba di-Brunei dengan kapal ter-

bang pada hari Jumaat 20 July untuk berchuti

Mereka ia-lah Abdul Rahman bin Abdul Latif, Naweh bin Hanafiah, Othman bin Haji Ya'kob, Mat Deli bin Ahmad, Selamat bin Munaf, Mat Suni bin Husain, Adenan bin Marsal, Zakariah bin Noordin dan Mat Salleh bin Abdul Jalil.

GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU SA-TIAP MASA

PENDUDOK2 BRUNEI DI-SERU MENDUKONG BAHASA MELAYU DENGAN PENOH SEMANGAT

BANDAR BRUNEI. — Pengerusi Bulan Bahasa Daerah Brunei dan Muara, Inche' Abd. Ghani bin Hasan telah menyeru penduduk2 negeri ini supaya mendukung bahasa Melayu dengan penoh semangat keyakinan dengan bersendikan "apa yang dibuat biar-lah benar2 berkesan" yang akan menjadi sejarah negara yang tidak boleh di-lupakan kelak.

Dalam upacara pembukaan rasmi Bulan Bahasa Daerah Brunei dan Muara pada 2 July lepas, Pengerusi Bulan Bahasa tersebut menegaskan bahawa jangan-lah hendaknya segala hasrat Kerajaan dan hasrat kita itu apabila telah selesai sambutan Bulan Bahasa hanya akan tinggal bagitu sahaja dengan tiada apa2 rupa dan kesan-nya sa-bagai embun di-sinar oleh matahari di-waktu pagi.

Sabelum itu Inche' Abd. Ghani menegaskan bahawa Negeri Brunei pada masa ini ada-lah sedang menghadapi zaman pembangunan — zaman kesedaran. Sebab itu kita sekarang patut-lah menumpukan usaha dan tenaga untuk memperjuangkan bahasa kebangsaan yang menjadi hasrat dan cita2 yang kita idam2kan dari sejak beberapa tahun yang lalu.

"Kita sekarang berdiri di-sini ia-lah menandakan yang kita semua benar2 berharap agar Bulan Bahasa yang kita adakan ini akan berkesan ka-dalam jiwa penduduk2 ini", kata beliau.

Menyampaikan harapan-nya kepada penduduk2 negeri ini mengenai pelancharan Bulan Bahasa dan tugas kesusasteraan kepada sa-sa-buah negara, Inche' Ghani berkata: "Dalam perjuangan kita untuk mendirikan satu bangsa yang kuat dan tegap, bahasa dan kesusasteraan ia-lah salah satu dari tiang yang kuat sa-lain dari lama dan iktisad".

Sa-lanjut-nya Pengerusi Bulan Bahasa Daerah Brunei dan Muara itu berkata:

"Dalam Perlembagaan yang telah di-ishtiharkan dalam tahun 1959 yang lalu Kerajaan telah menetapkan bahawa bahasa Melayu ia-lah bahasa rasmi yang tunggal di-negeri ini. Maka dari itu sangat-lah mustahak-nya kita memperluas dan mengembangkannya.

"Oleh sebab itu di-sini dapat-lah saya mensifatkan bahawa tujuan kita berkumpul pada petang ini tidak lain ia-lah menghendaki agar supaya bahasa Melayu benar2 akan dapat di-pakai menjadi bahasa kebangsaan yang tunggal di-negeri ini dengan sa-chepat mungkin yang boleh.

Beliau menyatakan keyakinan-nya demikian kerana di-negeri ini tidak banyak penduduk2-nya bangsa asing. Kebanyakan daripada-mereka itu pula telah mengamalkan bahasa Melayu dalam pertuturan sa-hari2, tegas-nya.

"Saya penoh percheaya kalau-lah mereka itu sungoh2 chintakan bahasa kebangsaan ini dalam

sa-tahun dua yang akan datang ini bahasa kebangsaan sudah boleh di-pergunakan dalam segala lapangan.

"Apa lagi pada masa ini Kerajaan dalam bahagian Bahasa dan Pustaka telah banyak meluaskan gerakan2 belajar bahasa kebangsaan dengan melalui sekolah2 kebangsaan dan lain2 sekolah bangsa asing yang di-dalamnya bahasa Melayu ada-lah salah satu mata pelajaran yang mustahak di-pelajari oleh murid2 itu", ujar-nya.

Dato Sir Rodney Moore Melawat Brunei

BERAKAS. — Lieutenant General Dato Sir Rodney Moore, Pegawai Pemerintah Angkatan Tentera2 Bersekutu, Persekutuan Tanah Melayu telah tiba di-lapangan terbang Berakas dengan kapal terbang Angkatan Udara Di-Raja Ingeris, Hastings dari Jesselton pada pagi 4 July, 1962 untuk melawat ka-negeri ini sa-lama tiga hari.

Dato Sir Rodney telah ditemani oleh isteri-nya dan sa-orang Pegawai Tentera, Major D. Leway.

Mereka telah di-temui di-lapangan terbang Berakas oleh Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Juruiring kepada Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Ingeris di-Brunei, Inche W.J. Parks dan Pegawai Pemerintah Angkatan Askar Melayu Brunei, Lieutenant Colonel Tengku Ahmad bin Tengku Besar Burhanuddin.

Kemudian mereka pun berangkat ka-Rumah Pesuruh Jaya Tinggi Ingeris di-mana Dato Sir Rodney telah memeriksa satu barisan kehormatan terdiri dari Pasokan Pulis Brunei.

Pada petang hari tersebut, Dato Sir Rodney telah mengadakan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Darul Hana.

Dato Sir Rodney dan Datin Rodney telah di-raikan oleh Tuah Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Ingeris di-Brunei di-satu majlis jamuan makan malam di-rumah Pesuruh Jaya Tinggi pada sa-belah malam pula.

Di-antara para hadhirin di-majlis jamuan itu ia-lah Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un dan Datin Zubaidah, isteri Dato Setia Marsal.

Dalam masa lawatan-nya ka-negeri ini, Dato Sir Rodney telah melawat ka-kawasan perkhemahan Askar Melayu Brunei di-pantai Berakas.

Dato Sir Rodney, Datin Rodney dan Major Leway telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang tersebut petang 6 July.



Pemangku P.P.D.
Brunei — Muara
Yang Baharu

BANDAR BRUNEI. — Inche Johari bin Abdul Razak telah dilantik menjadi Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara mulai daripada awal bulan ini.

Sa-belum menjawat jawatan tersebut, Inche Johari telah menjadi Kerani Besar di-Pejabat Tanah, Bandar Brunei.

Inche Johari telah berkhidmat dengan Kerajaan Brunei sa-lama dua puluh lima tahun.

Beliau mulai bekerja sa-bagai pekerja menyukat tanah di-Pejabat Tanah di-sini dalam bulan January tahun 1937 dengan mendapat gaji sa-banyak lima puluh sen sa-hari.

Tiga tahun kemudian beliau telah bekerja sa-bagai Tukang Lukis di-Pejabat Tanah, Bandar Brunei dengan mendapat gaji \$15 sa-bulan.

Inche Johari menyatakan bahawa beliau telah berkhidmat dengan beberapa buah Jabatan Kerajaan di-negeri ini, ia-itu Pejabat Tanah, Bandar Brunei, Pejabat Daerah Temburong, Pejabat bekas Residen Ingeris di-Bandar Brunei, Pejabat Daerah Muara, Pejabat Perubatan di-Bandar Brunei (ia-itu sa-bagai kerani), Pejabat Kehutanan, di-Bandar Brunei, Pejabat Bandaran Kuala Belait dan Pejabat Laut di-Bandar Brunei.

Tamat Berlateh

BERAKAS. — Dayangku Rohana hinte Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Haji Mohamed telah kembali ka-Brunei dengan kapal terbang pada 8 July dari Persekutuan Tanah Melayu sa-lepas tamat berlateh di-Rumah Sakit Besar, Pulau Pinang.

BAHASA KEBANGSAAN
BAHASA YANG BERDAULAT

Gambar ini menunjukkan Timbalan Setia Usaha Kerajaan merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim sedang mengucapkan "Selamat Datang ka-Brunei" kepada Lieutenant General Dato Sir Rodney Moore di-Lapangan Terbang Brunei.

SIARAN RADIO BRUNEI

Rancangan Siaran Radio Brunei bahagian Melayu dari Studio2 di-Bandar Brunei dan Kuala Belait mulai dari 18 July hingga 25 July, adalah seperti di-bawah ini :

RABU — 18 JULY, 1962

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Majallah Melalui Udara — (V.O.A.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Ruangan Apa Khabar—(S.U.)
2.00 Rehat

Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Lagu2 Hiboran Pembuka'an
7.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London

7.30 Lagu2 Irama Marching
7.45 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai Di-sampaikan Oleh: Dk. Intan

8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Cerita Pendek — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.

9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Bunga Rampai Indonesia
12.00 Latar Belakang — (S.U.)
Rakaman BBC London

12.15 Lagu2 Rampaian
12.30 Rehat

Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Pilihan Hiboran Saya — Para Pendengar Pengirim Lagu2 Kegemaran-nya — dan Di-siarkan Oleh: Pg. Mohd.

5.00 Perkembangan Ilmu Pengetahuan Rakaman V.O.A.
5.15 Ruangan Cerita Pendek — (S.U.)

5.30 Irama Aneka Senandung — Di-terbitkan Oleh: Zainab Zainal Abidin

6.00 Siaran Melayu Tammat
KHAMIS — 19 JULY 1962

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Sam Saimun
12.45 Majallah Sain dan Perusahaan — (S.U.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Tanpa Nyanyian
1.30 Majallah Radio — (S.U.)
2.00 Rehat

Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Bacha'an Al Koran
7.15 Kursus Al-Koran — Di-sampaikan Oleh: Tuan Haji Khalidi

7.30 Nur Alam Semrah Party — Pimpinan: — Ustaz A. Kadir Awang

7.45 Madah Pujangga (S.U.)
8.00 Sejarah Islam
8.15 Lagu2 Melayu Asli
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Tafsir Al-Koran — Di-sampaikan Oleh: Ustaz Salleh Haji Abd. Majid

9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai: Di-sampaikan Oleh: Zainab Zainal Abidin

12.00 Perkembangan Ilmu — Pengetahuan — (V.O.A.)
12.15 Hiboran
12.30 Rehat

Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Melayu Asli
4.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain Rakaman BBC London

5.00 Permainan Hiboran Tempatan (S.U.)
5.30 Lagu2 Padang Pasir

5.45 Bacha'an Ayat Suchi Al-Koran.
6.00 Siaran Melayu Tammat

JUMA'AT — 20 JULY, 1962

BANDAR BRUNEI

Siaran Pagi
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Bacha'an Al-Koran
9.15 Selingan
9.30 Pelajaran Ugama Di-Udara— Di-sampaikan Oleh: Ustaz Salleh bin Hj. Abd. Majid

9.45 Sharahan Ugama
10.00 Hiboran (Irama Padang Pasir)

10.15 Rengkas Berita
10.20 Mengisi Masa
10.30 Rehat

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Mimbar Islam — Sembahyang Juma'at Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Selepas itu diikuti dengan lagu2 Masir.

1.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.45 Lagu2 Irama Pelahan
2.00 Siaran Melayu Tammat

Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Sandiwara Radio — (S.U.)
8.00 Lagu2 Perminta'an Sukaramai — Di-terbitkan Oleh: Dk. Intan

8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Akhir
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Hiboran
11.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain— Rakaman BBC London (S.U.)

12.00 Rancangan Ugama — Di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohammad
12.30 Rehat

Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran Rampaian
4.50 Majallah Sain dan Perusahaan Rakaman BBC London

5.00 Lagu2 Paduan Suara
5.30 Aneka Lagu2 Melayu — (Lagu Tanpa Nyanyian)
5.45 Lagu2 Masri
6.00 Siaran Melayu Tammat

SABTU — 21 JULY, 1962

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Penya'er dan Hasil Karya — (S.U.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Selingan
1.30 Buah Fikiran
1.45 Hiboran Penutup
2.00 Rehat

Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Halaman Perbincangan — Rakaman BBC London

7.30 Kamusilan Tuan2 — Di-terbitkan Oleh Abd. Wahab Mohd.
7.45 Hiboran Mana Suka
8.00 Orkest Kronchong Baru
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Hiboran Malam Ahad
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran Rengan dan Gembira
11.50 Majallah Sain dan Perusahaan Rakaman BBC London

12.00 Lagu2 Perminta'an Sukaramai — Di-sampaikan Oleh: Zainab Zainal Abidin
12.30 Rehat

Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Suntingan Lagu2 Sumatra

4.45 Tetamu Kita — Para Pendengar Di-Jemput ka-Studio untuk Memilih lagu2 Kegemaran-nya Di-terbitkan Oleh: Zainab Zainal Abidin

5.15 Simposium Di-Udara — Rakaman BBC London
5.30 Hidang Aneka Senandung
6.00 Siaran Melayu Tammat

AHAD — 22 JULY, 1962

BANDAR BRUNEI

Siaran Pagi
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Senandung Pagi
9.15 Masak2kan
9.30 Ruangan Apa Khabar — Di-terbitkan Oleh: Adnan Hj. Hassan

10.15 Rengkas Berita
10.20 Hiboran
10.30 Rehat

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran Rampaian
12.45 Bahasa dan Kesuasteraan — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Asohan Wanita — Di-terbitkan Oleh: Dk. Mariam
1.30 Hiboran Dari Studio (Pancharagam Tempatan) Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.

2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Majallah Radio — Di-terbitkan Oleh: Othman Kamaruddin

7.45 Sandiwara
8.00 Aneka Ragam — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.

8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran (Lagu2 Melayu Asli)
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai
12.15 Halaman Sokan Sa-minggu
12.30 Rehat

Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran Dari Studio
5.00 Halaman Sokan Mingguan — Di-terbitkan Oleh: Pengiran Mohammad

5.15 Mengelilingi Dunia di-alam Ria
5.30 Ruangan Cerita Pendek
5.45 Hiboran Akhir
6.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai
12.15 Halaman Sokan Sa-minggu
12.30 Rehat

Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran
4.45 Laporan Pandangan Mata — Rakaman V.O.A.
5.00 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai

5.45 Irama Permainan Piano
6.00 Siaran Melayu Tammat

11.32 Lagu2 Hiboran
11.45 Hiboran Irama Instrumental
12.00 Bunga Rampai Malaya
12.30 Rehat

Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Hiboran
4.32 Halaman Perbincangan — Rakaman BBC London

5.00 Permainan Hiboran Tempatan
5.30 Irama Lautan Tedoh
5.45 Hiboran Rampaian
6.00 Siaran Melayu Tammat

THALATHA — 24 JULY, 1962

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Asiah Tuah.
12.45 Laporan Pandangan Mata — (V.O.A.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Latin Amerika
1.30 Asohan Wanita — (S.U.)
1.45 Hiboran Penutup
2.00 Rehat

Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran
7.15 Ruangan Pemuda Pemudi Di-terbitkan Bersama Oleh: Adnan Haji Hassan dan Dk. Mariam

7.45 Pilihan Sendiri — Di-terbitkan Oleh: Dk. Mariam
8.15 Ilmu Pengetahuan — Rakaman V.O.A.
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Cerita Seram — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran Rampaian
11.45 Seni Irama Melayu
12.00 Lagu2 Hiboran
12.15 Seruan Terumpit
12.30 Rehat

Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Hiboran
4.45 Laporan Pandangan Mata — Rakaman V.O.A.
5.00 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai

5.45 Irama Permainan Piano
6.00 Siaran Melayu Tammat

RABU — 25 JULY, 1962

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Halaman Perbincangan — Rakaman BBC London (S.U.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Ruangan Apa Khabar — (S.U.)
2.00 Rehat

Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Lagu2 Hiboran
7.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London

7.30 Pancharagam Tentera/Police
7.45 Lagu2 Perminta'an Sukaramai Di-sampaikan Oleh: Dk. Mariam

8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Cerita Pendek — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Bunga Rampai Malaya
12.00 Studio Orkest
12.30 Rehat

Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Hiboran
4.45 Latar Belakang — Rakaman BBC London

5.00 Lagu2 Irama Joget
5.30 Lagu2 Hiboran Rampaian
6.00 Siaran Melayu Tammat

ITHNIN — 23 JULY, 1962

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Mus D.S.
12.45 Latar Belakang — Rakaman BBC London (S.U.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Hiboran
1.30 Cerita Pendek — (S.U.)
1.45 Pilihan Saya (Juru Hebah)
2.00 Rehat

Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Penya'er dan Hasil Keria — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohammad

7.30 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Di-sampaikan Oleh: Dk. Intan
8.15 Majallah Sain Dan Perusahaan Rakaman BBC London

8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Lagu2 Lama dan Baru
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera

GAMBAR2 KENANGAN SAMBUTAN BULAN BAHASA DI-BRUNEI PERINGKAT DAERAH

Penduduk2 di-seluruh Negeri Brunei telah bergembira di-temasha2 sambutan Bulan Bahasa Peringkat Daerah yang telah di-adakan sa-chara besar2-an di-Daerah2 Brunei-Muara, Belait-Seria, Tutong dan Temburong dalam bulan ini. Gambar2 di-muka ini menunjukkan di-antara pemandangan sambutan tersebut.



Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf kelihatan dalam gambar ini mengisytiharkan pembukaan rasmi Bulan Bahasa di-Daerah Brunei. Upacara itu telah di-adakan di-padang besar, Bandar Brunei pada petang 2 July, 1962.



Sambutan di-Daerah Tutong.



Pegawai Daerah Brunei dan Muara Inche Abdul Ghani bin Hassan kelihatan memberi ucapan di-upacara pembukaan rasmi Bulan Bahasa Peringkat Daerah Brunei-Muara.



Sambutan di-Daerah Temburong.



Sambutan di-Daerah Brunei. Pemandangan pembukaan peraduan Bulan Bahasa.



Sambutan di-Daerah Belait. Gambar Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.



Satu pemandangan di-antara pasokan2 yang mengambil bahagian di-upacara perarakan Bulan Bahasa di-Daerah Tutong. Gambar ini ialah Pasokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dan Sekolah China, Tutong.



Gambar ramai di-antara Ahli2 Jawatan Kuasa Sambutan Bulan Bahasa Peringkat Daerah Brunei dan Muara. Gambar ini di-ambil oleh Jurugambar kita sa-lepas di-adakan upacara pembukaan rasmi Bulan Bahasa di-daerah tersebut.



Kiri: Satu pemandangan di-upacara pembukaan rasmi peraduan2 Bulan Bahasa Peringkat Daerah Belait yang telah di-adakan di-padang besar Kuala Belait pada malam 7 July yang lalu. Acara itu di-teruskan hingga ke-malam 13 July dengan mendapat sambutan yang baik. Kanan: Satu pemandangan di-antara para penonton di-upacara tersebut — Gambar dengan ehsan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Lawatan Badan Penerangan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei akan melawat ka-beberapa tempat dalam bulan ini untuk bersiar berkeanean dengan ugama Islam.

Tarikh2 dan tempat2 yang akan di-lawati itu ada-lah seperti di-bawah ini :

Hari Jumaat 20 July: Masjid Panchor Murai mulai daripada pukul 11 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari dan di-Kampung Gadong mulai daripada pukul 2.30 petang hingga ka-pukul 4.30 petang.

Hari Jumaat 27 July: Di-Kampung Lorong Sekuna, Brunei mulai daripada pukul 2.30 petang hingga ka-pukul 4.30 petang dan di-Kampung Lumut, Jalan Seria mulai daripada pukul 3 petang hingga ka-pukul 5 petang.

Malam 29 July: Di-Sekolah Melayu Berakas mulai daripada pukul 8 malam hingga ka-pukul 10 malam.

PAMERAN LUKISAN

BANDAR BRUNEI. — Pameran lukisan dan peraduan menggambar untuk menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan di-adakan di-Bandar Brunei pada 23 September akan datang.

Berita lanjut berkenaan dengan pameran tersebut akan di-siarkan dalam keluaran kita yang akan datang.

Pakar2 Minyak

BERAKAS. — Dua orang pakar minyak dari England, Inche D. Ovens dan Inche W.J. Levy serta Inche J. Mitchell, sa-orang peguam telah melawat ka-Brunei sa-lama beberapa hari baharu2 ini atas undangan Kerajaan Brunei.

Mereka telah di-temui di-lapangan terbang Berakas oleh Peguam Negara, Brunei, Dato Abdul Aziz bin Mohd. Zain.

Inche Divers Dan Puan Rivers Melawat Brunei

BERAKAS. — Penasehat Perkhidmatan Awam, Pertubuhan Bangsa2 Bersatu untuk kawasan Asia dan Timor Jauh, Inche S.T. Divers dan penolong-nya Puan M. Rivers telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama dua minggu baharu2 ini atas jemputan Kerajaan Brunei.

Beliau telah di-temui di-lapangan terbang Berakas oleh Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei, Yang Berhormat Dato Setia

PERARAKAN BULAN BAHASA DI-DAERAH TUTONG

TUTONG. — Beribu2 orang terdiri dari kanak2 sekolah serta orang2 dewasa telah mengambil bahagian dalam upacara merasmikan perarakan Bulan Bahasa Peringkat Daerah Tutong.

Upacara itu telah di-adakan di-Pekan Tutong pada pagi hari Sabtu 7 July, 1962, di-mulai dengan nyanyian lagu "Jiwa Bangsa" oleh murid2 Sekolah Melayu.

Kemudian Pengurus Perkumpulan dan Perarakan Daerah Tutong, Tuan Haji Ghazali bin Umar telah membacakan ikrar — nya mengenai Bulan Bahasa.

Sa-lepas itu ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Ahmad bin Duli Pengiran Bendahara Haji Mohamed Yassin.

Oleh kerana Timbalan Setia Usaha Kerajaan merangkap Pengerah Siaran Radio dan Penerangan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pgn. Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim yang di-jadualkan merasmikan perarakan tersebut telah tidak dapat hadir kerana beliau berada di-luar negeri pada masa itu, maka Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Tutong, Inche Mohamed Daud bin Serudin, dengan

MENKKAJI PERKEMBANGAN KUASA ELEKTRIK

BERAKAS. — Tiga orang Pegawai dari Lembaga Elektrik Luar Bandar, Surohan Jaya Perekonomian Bangsa2 Bersatu bagi Kawasan Asia dan Timor Jauh telah melawat ka-Brunei baharu2 ini.

Mereka ia-lah Inche Hayath, Inche Bjorkman dan Inche Raghavan.

Tujuan lawatan mereka ka-Brunei ia-lah untuk menasihatkan Kerajaan Brunei mengenai perkembangan perbekalan kuasa elektrik di-negeri ini.

Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Penasehat Ekonomi Bangsa2 Bersatu di-Brunei, Doktor J. S. Gould.

Inche Divers menyatakan di-lapangan terbang Berakas bahawa tujuan lawatan beliau ka-negeri ini ia-lah untuk menasihatkan Kerajaan Brunei terhadap perkara2 yang bersangkutan paut dengan Perkhidmatan Awam di-Brunei.

persetujuan Ahli2 Jawatan Kuasa sambutan Bulan Bahasa di-Daerah Tutong, telah membacakan ucapan yang telah di-kirimkan oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf.

Sa-baik sahaja selesai ucapan tersebut 18 buah pasokan yang mengambil bahagian pun bergerak dan berjalan dari hadapan bangunan Pejabat Daerah Tutong mengelilingi Pekan Tutong dan balek ka-hadapan bangunan Pejabat Daerah.

Seterus-nya ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Guru Besar Seko-

lah China Chung Hwa, Tutong, Inche Lai Chuan Chi; Wakil Murid2 Tua Sekolah China Chung Hwa, Tutong, Inche Oon Swee Siong; Wakil2 orang China dan India, di-Tutong, Inche Chong Seng Toh; Wakil dari orang2 Dusun di-Tutong, Orang Kaya Lukan dan oieh Wakil Penduduk2 Tutong, Yang Mulia Penyurat Haji Abu Bakar.

Hadiah2 ka-pada pasokan2 yang berjaya dalam perarakan tersebut telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Ahmad bin Duli Pengiran Bendahara Haji Mohamed Yassin.

Achara tersebut di-tamatkan dengan bacaan do'a selamat oleh Nadzir Sekolah2 Ugama Daerah Tutong, Tuan Haji Abdul Rahman.

KEPUTUSAN PERARAKAN

TUTONG. — Keputusan perarakan untuk menyambut Bulan Bahasa di-Daerah Tutong yang telah di-adakan pada hari Sabtu 7 July, 1962 ada-lah seperti di-bawah ini :

Bahagian murid2 sekolah : 1. Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong. 2. Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong. 3. Sekolah Melayu Sinaut.

Bahagian orang2 kampong dan persatuan2 : 1. Pasokan Murid2 Tua Sekolah China Chung Hwa, Tutong. 2. Pasokan orang2 China, Tutong. 3. Pasokan Pakatan Sang Jati Dusun, Tutong.

Pakaian perarakan yang baik sa-kali: Sekolah Melayu Sinaut.

Peratoran perarakan yang terbaik sa-kali: Sekolah Menengah Perempuan Melayu Muda Hashim, Tutong.

Chogan kata perarakan yang terbaik sa-kali: Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Barisan perarakan yang terbaik sa-kali: Sekolah Melayu Sinaut.

PELATEH PANDU PUTERI

BERAKAS. — Puan M. Wheeler, Pelateh Pandu Puteri untuk Borneo Utara dan Sarawak telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama sa-hari baharu2 ini.

Sa-belum tiba di-Pulau Borneo tiga tahun dahulu untuk menjawat jawatan-nya yang baharu itu, Puan Wheeler telah menjadi sa-orang guru sekolah darjah2 permulaan di-London dan juga berkhidmat sa-bagai sa-orang pelateh pandu puteri disana.

PERADUAN CHOGAN KATA

TUTONG. — Kedai2 yang berjaya dalam peraduan chogan2 kata antara kedai2 di-Pekan Tutong pada masa di-adakan sambutan Bulan Bahasa Peringkat Daerah Tutong baharu2 ini adalah seperti di-bawah ini :

Pertama — Kedai Tai Huat. Kedua — Kedai Choon Seng dan Ketiga — Kedai See Seng.

Hadiah2 kepada pemenang2 tersebut telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Ahmad di-upacara merasmikan perarakan Bulan Bahasa Peringkat Daerah Tutong pada pagi 7 July.

KA-DENMARK

BERAKAS. — Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Pegawai Siaran Radio dan Penerangan, Daerah Brunei telah berlepas ka-Denmark dengan kapal terbang pada 10 July untuk menghadiri Seminar Belia Sa-Dunia kali ka-sembilan sa-bagai Wakil, Lembaga Pemuda Pemuda Negeri Brunei.

Seminar tersebut di-adakan di-Arhus, Denmark mulai dari 12 July hingga 26 July, 1962.

Turut berlepas ka-Denmark untuk menghadiri Seminar Belia Sa-Dunia itu sa-abagai wakil Kerajaan Brunei, ia-lah Inche Salleh bin Haji Masri, Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara Brunei.

UTAMAKAN-LAH BAHASA MELAYU

SUKAN BORNEO:

Brunei Menang Bahagian Wanita

KUCHING. — Keputusan Pertandingan Sukan Kejohanan Borneo yang telah di-adakan di-Kuching pada 13 dan 14 July, 1962 ada-lah seperti di-bawah ini:

BAHAGIAN WANITA:
Johan — Negeri Brunei — 72½ mata. Naib Johan — Borneo Utara — 63 mata. Bilangan Ketiga — Sarawak — 56½ mata.

BAHAGIAN LELAKI:
1. Sarawak — 144 mata. 2. Borneo Utara — 121 mata. 3. Negeri Brunei — 95 mata.

Berita lanjut mengenai temasha sukan tersebut akan di-siarkan dalam keluaran kita yang akan datang.

BAHASA LAMBANG BERSATU

Keputusan Peraduan 2 Bulan Bahasa Di-Daerah Brunei-Muara

BANDAR BRUNEI. — Keputusan peraduan 2 Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat Daerah Brunei dan Muara ada-lah seperti di-bawah ini:

KARANGAN: Orang 2 dewasa Melayu (lelaki): Pertama — Inche Jaya bin Abdul Latif. Orang 2 dewasa Melayu (perempuan): Pertama — Puan Rohani binte Haji Razali. Orang 2 dewasa bukan Melayu (lelaki): Pertama — Lim Kah Teong. Kedua — Andrews Lai En Soon. Murid 2 Melayu di-segala sekolah (laki 2): 1. Umar bin Haji Seruddin. 2. Sabli bin Mat Yassin. 3. Noordin bin Wahab. Murid 2 bukan Melayu di-segala sekolah (laki 2): 1. Lim Eng Loke. 2. Lai Huat. 3. Andrews Lim.

BAHATH: Johan — Pasokan Pembahath terdiri dari Mohamed Yusof bin Mohamed, Ang Kuang Teng dan Yeo Teong

Huat, Naib Johan — Pasokan Penchadang terdiri dari Mohamed Yassin bin Awang Said, Andrews Lim dan Shih Ah Sun.

SHARAHAN: Orang 2 dewasa Melayu (lelaki): 1. Sulaiman Chuchu. 2. Thani Muhammad. 3. Matusin Haji Serudin. Orang 2 dewasa Melayu (perempuan): Pertama — Zainab binte Kalong. Kedua — Dayangku Damit binte Pengiran Besar. Orang 2 dewasa bukan Melayu (lelaki): Pertama — Andrews Lim. Kedua — Douglas D. Boyd. Murid 2 Melayu di-segala sekolah (lelaki): Pertama — Tajuddin bin Haji Tengah. Kedua — Saini bin Mohamed Yakob.

SAJAK: Orang 2 dewasa Melayu (lelaki): 1. Abdullah Abdul Rashid. 2. Abdul Rahman Salim. 3. Awangku Suhaimi Pengiran Wahid. Orang 2 dewasa Melayu (perempuan): Pertama — Dayangku Rokiah binte Pengiran Abu Bakar. Orang 2 dewasa bukan Melayu (lelaki): 1. Tong Teo. 2. Philip Koh. 3. Richard Fong. Murid 2 Melayu di-segala sekolah (lelaki): 1. Abu

Bakar bin Awang Tengah. 2. Ibrahim bin Mohamed Yusof. 3. Saipun Laman. Murid 2 Melayu di-segala sekolah (perempuan): 1. Dayangku Halus binte Pengiran Yakob. 2. Dayangku Masnah binte Pengiran Tajuddin. 3. Zahara binte Muhammad. Murid 2 bukan Melayu di-segala sekolah (lelaki): 1. Lim Boon Hwa. 2. Foo Sun Hwa. 3. Han Wee Kwang. Murid 2 bukan Melayu di-segala sekolah ((perempuan): 1. Koh Bee Moi. 2. Yang Yi Chuan. 3. Chua Siow Khyan.

NYANYIAN: Orang dewasa Melayu (lelaki): 1. Othman bin Noordin. 2. Idris bin Mohamed. 3. M. Razak. Orang 2 dewasa Melayu (perempuan): 1. Rokiah binte Ismail. 2. Dk. Noriah bte. Pgn. Said. 3. Dayangku Damit binte Pengiran Besar. Orang dewasa bukan Melayu (lelaki): 1. Douglas D. Boyd. 2. John Then Choo Sak. 3. Peter Yang. Orang 2 dewasa bukan Melayu (perempuan): 1. Koh Bee Leng. 2. Win Yok Yen. 3. E. Chong. Murid 2 Melayu di-segala sekolah (lelaki): 1. Yahya bin Manaf. 2. Awangku Tajuddin bin Pengiran Manggong. 3. Arif Ludin. Murid 2 Melayu di-segala sekolah (perempuan): 1. Dayangku Zubaidah binte Pengiran Metussin. 2. Asmah Rashid. 3. Dayangku Rosnah binte Pengiran Manai. Murid 2 bukan Melayu di-segala sekolah (laki 2): 1. Then Yoo Chen. 2. Lim Boon Hwa. 3. Quah Chong Hee. Murid 2 bukan Melayu di-segala sekolah ((perempuan): 1. Koh Bee Moi. 2. Lee Yat Chor. 3. Lim Eng Tee.

Hadiah 2 kepada peserta 2 tersebut telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Inche Abdul Ghani bin Hassan di-padang Bandar Brunei pada malam 14 July.

SUKAN MAKTAB S.O.A.S.

BANDAR BRUNEI. — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mengadakan temasha sukan-nya kali yang ke-delapan di-padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam disini pada petang hari Jumaat 7 July.

Puan MacInnes telah menyampaikan hadiah 2 kepada peserta 2 dan pasokan 2 yang berjaya di-temasha sukan tersebut.

SUKAN KEJOHANAN BRUNEI



Timbalan Setia Usaha Kerajaan merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim kelihatan dalam gambar ini menyampaikan hadiah kepada A. Sibidol di-temasha Sukan Kejohanan Brunei. Berdiri di-belakang Y.B.D.S. Pengiran Haji Mohamed Yusof ia-lah Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Yang Dipertua, Persatuan Sukan Negeri Brunei.



Pertandingan Sukan Kejohanan Negeri Brunei yang telah di-langsungkan di-Seria pada awal bulan ini telah mendapat kejayaan yang besar. Peserta 2 yang berjaya telah di-pilih mewakili Negeri Brunei di-temasha Sukan Kejohanan Borneo yang telah di-adakan di-Kuching, Sarawak pada 13 dan 14 July, 1962. Gambar kiri sa-kali yang telah di-ambil di-temasha Sukan Kejohanan Negeri Brunei menunjukkan Clare Sibidol johan pertandingan melompat piring besi bahagian wanita, sedang melompat piring besi. Dua gambar lagi yang di-ambil di-temasha sukan tersebut menunjukkan para peserta bahagian lelaki sedang berlumba dengan bersungguh 2 untuk menchapai kemenangan. Shabash mereka yang berjaya dan di-uchapkan "nasib baik" di-temasha Sukan Kejohanan Sa-Negeri Brunei pada tahun hadapan kepada mereka yang tidak berjaya.

PERADUAN2 AKHIR BULAN BAHASA DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarul-Zaman akan merasmikan peraduan- peringkat akhir Bulan Bahasa Kebangsaan di-Padang Besar Bandar Brunei pada pukul 8 malam 23 July, 1962.

Sa-lepas itu akan di-adakan peraduan2 Sharahan orang2 dewasa Melayu lelaki dan perempuan, peraduan Sajak orang2 dewasa bukan Melayu lelaki dan perempuan, peraduan Bahath pusingan yang pertama dan peraduan Menyanyi murid2 Melayu lelaki dan perempuan.

Peraduan2 akhir yang akan di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei seterusnya ada-lah seperti di-bawah ini :

24 July mulai pukul 7.30 malam : Peraduan2 Sharahan orang2 dewasa bukan Melayu lelaki dan perempuan, Sajak orang2 dewasa Melayu lelaki dan perempuan, Bahath pusingan kedua dan peraduan Menyanyi murid2 bukan Melayu lelaki dan perempuan.

25 July mulai pukul 7.30 malam : Peraduan2 Sharahan murid2 Melayu lelaki dan perempuan, peraduan Menyanyi orang2 dewasa bukan Melayu lelaki dan perempuan.

26 July mulai pukul 7.30 malam : Peraduan2 Sharahan murid2 bukan Melayu lelaki dan perempuan, peraduan orang2 dewasa lelaki dan perempuan.

27 July mulai pukul 7.30 malam : Peraduan Bahath pusingan terakhir. Sa-lepas itu penuntut2 dari Maktab Perguruan Melayu Brunei akan memper-

sembahkan lawak jenaka, tarian dan tablo.

Malam 28 July mulai pada pukul 7.30 malam : Sandiwara bertajok "Jernih sa-telah kabut", di-sulam dengan permainan Boria, nyanyian2, tarian2 dan lain2 achara.

Malam 29 July mulai pukul 7.30 malam : Malam Anika Warna di-persembahkan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei mengandongi tablo, lawak jenaka, nyanyian2 dan tarian.

Upacara menyampaikan hadiah kepada peserta2 yang berjaya dalam peraduan2 tersebut akan di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 4 August.

Pengarah B.B.P.B. Berharap Berkembang Bahasa Kebangsaan

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Md. Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar menyatakan bahawa pemakaian bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi ia-lah azam Kerajaan sa-bagai ukoran kemajuan yang telah kita peroleh dari usaha2 melaksanakan pemakaian bahasa Melayu dan melanjutkan usaha untuk menimbulkan keinsafan di-antara penduduk2 dan ra'ayat negeri, khusus-nya yang bukan Melayu supaya mereka menggunakan bahasa Melayu dengan sa-luas2-nya serta mengukuhkan semangat keyakinan terhadap pemakaian bahasa kebangsaan ini.

Ini, telah di-tegaskan beliau dalam upacara pembukaan rasmi Bulan Bahasa Kebangsaan bagi Daerah Brunei dan Muara pada 2 July yang lalu.

Tuan Haji Jamil berkata, dalam Perlembagaan Negeri Brunei ada menyebutkan bahawa bahasa

Melayu ia-lah bahasa rasmi di-negeri ini.

Beliau juga berharap semoga bahasa kebangsaan kita akan berkembang dan tersibar di-segala pelusok tanah ayer dan di-pergunakan sa-luas2-nya oleh sekalian ra'ayat dan penduduk2 negeri ini dalam semua lapangan pekerjaan serta di-dukong sa-penoh2-nya oleh penduduk2 negeri ini sa-bagai tanda bakti kapada Sultan dan negara.

"Semoga pembukaan yang di-jalankan oleh Daerah Brunei dan Muara ini akan menjadi anak kunchi pembuka gedung kejayaan bagi bahasa Melayu supaya bersemarak di-seluruh tanah ayer m e n j a d i lambang perpaduan kita", kata beliau.

BAHASA PELITA BANGSA

MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama Persekutuan Tanah Melayu, Inche Abdul Aziz bin Ishak, telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang Sharikat Penerbangan Melayu Viscount dari Singapura pada petang hari Thalatha 10 July, 1962.

Beliau di-sertai oleh Inche Abdul Majid bin Haji Mohamed, Pengetua Maktab Kerjasama di-Kuala Lumpur.

Balek Dari Mekah

BANDAR BRUNEI. — Enam puluh sembilan orang dari Brunei yang telah berangkat ka-Tanah Suchi untuk menunaikan fardhu Haji pada tahun ini akan belayar dari Singapura ka-Labuan dengan kapal "Kunak" pada hari Jumaat 20 July.

Jema'ah2 Haji itu di-jangka tiba di-Labuan pada pagi hari Thalatha 24 July dan dari sana akan kembali ka-Brunei pada hari itu juga dengan menaiki beberapa buah kapal Kerajaan Brunei.

"Pembalasan"

SENGKURONG. — Sa-buah derama bertajok, "Pembalasan" di-karang dan di-arahkan oleh Inche Abdul Jalil bin Abu Bakar, akan di-persembahkan oleh Persatuan Belia Sengkurong di-dewan Sekolah Melayu Sengkurong pada malam 5 August akan datang.

Temasha itu di-adakan untuk kutipan derma persatuan tersebut. Berbagai nyanyian dan tarian suka-ramai serta lain2-nya akan juga di-persembahkan di-temasha itu.

PAMERAN BUKU2 DAN POSTER

BANDAR BRUNEI. — Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf akan merasmikan pembukaan Pameran Buku2 dan Poster bagi menyambut Bulan Bahasa Kebangsaan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada pukul 9 pagi hari Ithnin 23 July. Pameran itu akan di-buka ka-

pada orang ramai seperti berikut: 23 July: 9 pagi ka-9 malam. 24 July: 2 petang ka-9 malam. 25 July: 2 petang ka-9 malam. 26 July: 2 petang ka-9 malam. 27 July: 9 pagi ka-12 tengah hari dan 2 petang ka-9 malam. 28 July: 2 petang ka-9 malam. 29 July: 9 pagi ka-12 tengah hari dan 2 petang ka-9 malam.

Tarek . . . Tarek . . . Tarek . . . Siapakah Yang Menang?



Gambar2 ini bukan-lah perlawanan tarek tali di-antara pasokan gambar kiri dan pasokan gambar kanan. Gambar di-sabelah kanan di-ambil di-temasha sukan Maktab S.O.A.S. pada 6 July, manakala gambar kiri pula di-ambil di-temasha sukan sa-buah Sekolah Melayu di-negeri ini tidak berapa lama dahulu.